



07 FEB, 2025

FAMA sasar nilai jualan RM350 juta

Sinar Harian, Malaysia

FAMA sasar nilai jualan RM350 juta

Sepanjang 2025, berbanding RM300 juta pada tahun sebelumnya

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD PETALING JAYA

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan daripada 222 pasar tani di seluruh negara meningkat sehingga 15 peratus iaitu RM350 juta sepanjang 2025 berbanding RM300 juta pada tahun sebelumnya.

Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, walaupun menghadapi persaingan dengan pasar raya dan bisnes baharu, namun pihaknya yakin pasar tani akan ber-

tahan berikutan mempunyai peminatnya tersendiri.

Menurutnya, pasar tani pertama yang ditubuhkan pada 31 Januari 1985 di Johor Bahru telah berjaya merekodkan nilai jualan RM1.85 juta.

"Tahun lalu pencapaian kita dengan 222 pasar tani seluruh negara, kita berjaya rekod nilai jualan kira-kira RM300 juta. Jadi, kami jangka angka ini akan terus meningkat 10 hingga 15 peratus tahun ini.

"Kami bangga walaupun sudah mencapai 40 tahun tetapi pasar tani kekal diminati oleh pengguna, malah walaupun ada persaingan, pasar tani tetap ada peminatnya dan terus bertahan hingga kini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang akhbar selepas program Sambutan Ulang Tahun Pasar Tani ke-40 dan Tahun Baharu Cina di pasar tani Seksyen 17 di sini pada Khamis.

Hadir sama, Pengarah FAMA Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan



Abdul Rashid (dua dari kiri) dan Chen Chung (tiga dari kiri) memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun Pasar Tani ke-40 dan Tahun Baharu Cina di pasar tani Seksyen 17 pada Khamis.

Putrajaya, Isa Hamzah; Pengarah Bahagian Institusi Pasaran FAMA Ibu Pejabat, Sharizan Mansor; Ahli Parlimen Petaling Jaya, Lee Chen Chung serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Gasing, Rajiv Risyakaran.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid mengakui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika Covid-19 memberi impak besar sehingga sebahagian usahawan terpaksa meninggal-

kan perniagaan pasar tani.

"Tetapi yang kekal sekarang ini terus berdaya maju dan kami jangka 10 hingga 14 pasar tani harian baharu akan dibuka. Sebenarnya telah berlaku revolusi iaitu kami sudah ada 42 pasar tani kekal di bangunan tetap.

"Objektif utama pasar tani ini adalah kami memberi peluang kepada peniaga dan petani menjual terus hasil keluaran mereka kepada pengguna kerana kita

cuba mengurangkan kebergantungan petani kepada orang tengah.

"Salah satu tujuannya supaya mereka mendapatkan keuntungan maksimum. Kalau tak, sebahagian keuntungan diambil oleh orang tengah," ujarnya.

Dalam pada itu, Chen Chung turut menzahirkan penghargaan kepada FAMA yang kekal teguh walaupun menghadapi cabaran.

"Aspirasi ini juga teretus daripada Perdana Menteri yang melihat ada keperluan untuk menghubungkan petani dengan pengguna secara langsung.

"Ia memberi impak besar supaya kehidupan petani boleh meningkat dan pada masa sama pengguna mendapat hasil segar. Saya harap Petaling Jaya dapat menjadi bandar yang memusat.

"Pasar tani ini platform untuk petani dan peladang menjual hasil mereka kepada pusat ekonomi seperti Petaling Jaya serta terus menjana sinergi antara desa dengan bandar," katanya.



07 FEB, 2025

FAMA sasar nilai jualan RM350 juta

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

Sepanjang 2025, berbanding RM300 juta pada tahun sebelumnya

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan daripada 222 pasar tani di seluruh negara meningkat sehingga 15 peratus iaitu RM350 juta sepanjang 2025 berbanding RM300 juta pada tahun sebelumnya.Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, walaupun menghadapi persaingan dengan pasar raya dan bisnes baharu, namun pihaknya yakin pasar tani akan ber-

tahan berikutan mempunyai peminatnya tersendiri.